



# **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

## **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**ADAB BERZIARAH**

**Tarikh Dibaca:**

**7 SYAWAL 1444H/**

**28 APRIL 2023M**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذْقُوا طَعْمَ الْجَاهِلِيَّةِ  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## ADAB BERZIARAH

28 APRIL 2023 / 7 SYAWAL 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ١٠

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Alangkah ruginya jika kita sudah berada dalam masjid ini tetapi kita masih terleka dengan urusan dunia.

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Adab Berziarah**”.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkar.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Amalan kunjung-mengunjungi merupakan suatu amalan yang mulia dalam rangka memperkukuh persaudaraan Islam dan memanjangkan tali silaturahmi antara sesama umat Islam, lebih-lebih lagi dengan keberadaan kita dalam Bulan Syawal ini yang amat sinonim dengan budaya masyarakat kita yang saling berkunjung antara satu sama lain. Selain itu juga, penganjuran rumah terbuka yang melibatkan penyertaan pelbagai bangsa dan kaum lain turut menambahkan keceriaan dan keharmonian negara Malaysia yang tercinta ini.

Dalam kita berziarah, kita dituntut untuk memelihara niat asal berziarah tersebut iaitu ikhlas semata-mata kerana Allah SWT dan didasari dengan rasa cinta dan kasih kepada saudaranya serta bukan bertujuan kepentingan duniawi. Diceritakan dalam sebuah hadis bahawa Rasulullah SAW bersabda:

*“Pernah ada seorang yang mengunjungi saudaranya di daerah yang lain. Kemudian Allah mengutus malaikat kepadanya dalam perjalanan lelaki itu. Ketika menghampirinya, malaikat itu pun bertanya; “Engkau mahu ke mana?” Lelaki itu menjawab: “Aku ingin mengunjungi saudaraku di daerah ini”. Malaikat bertanya lagi: “Apakah ada sesuatu kepentingan yang engkau ingin dapatkan darinya?” Lelaki itu menjawab: “Tidak ada, melainkan kerana aku mencintainya kerana Allah Azza wa Jalla”. Maka malaikat mengatakan: “Sesungguhnya aku diutuskan oleh Allah kepadamu untuk memberitahu bahawa Allah mencintaimu sebagaimana engkau mencintai saudaramu kerana-Nya”.*

**(Hadis riwayat Imam Muslim)**

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Selain ikhlas kerana Allah SWT, Islam juga menekankan beberapa adab dan panduan kepada umatnya supaya amalan berziarah ini mendatangkan pahala dan terhindar dari dicatat sebagai dosa. Antara sebahagiannya;

- 1. Meminta izin untuk hadir dan memberi salam sebelum masuk ke dalam rumah.**

Firman Allah SWT dalam Surah al-Nur ayat 58 yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah hamba-hamba kamu dan orang-orang yang belum baligh dari kalangan kamu, meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke tempat kamu), dalam tiga masa”.*

## **2. Tidak mengintai atau menghendap**

Ketika sampai di rumah orang, elakkan mengintai atau menjengah di jendela untuk memastikan keberadaan tuan rumah. Cukup sekadar memberi salam sebanyak tiga kali dan menunggu respon tuan rumah sekiranya ada. Kita juga dilarang untuk mengintip dan mencari-cari keaiban tuan rumah dengan melihat kekurangan mereka.

## **3. Menjaga pandangan**

Pandangan mata kita sebagai tetamu mestilah dijaga dengan tidak meliar ke arah dapur atau bilik tuan rumah supaya tidak tersingkap aurat tuan rumah.

## **4. Menjaga anak yang dibawa**

Jika kita datang bersama anak-anak, pastikan mereka tidak mengotori atau mengusik barangan tuan rumah. Jika masih berlaku, maka hendaklah kita menasihati mereka dengan sebaiknya. Dalam hal ini, persediaan awal mesti dilakukan sebelum keluar berziarah dengan memberi pesanan awal dan didikan kepada anak-anak tentang adab berziarah.

## **5. Memilih waktu yang sesuai dan tidak berlama-lamaan.**

Untuk berziarah, pilihlah waktu yang sesuai dan elakkan berziarah pada waktu-waktu yang kebiasaannya waktu berehat seperti waktu tengah hari atau ketika masuknya waktu solat atau lewat malam. Apabila berziarah juga, elakkan duduk terlalu lama bagi mengelakkan kesusahan kepada tuan rumah.

## **6. Ucapkan terima kasih dan doakan yang baik-baik kepada tuan rumah atas layanan dan kesudian menerima kunjungan tersebut.**

Para tuan rumah juga perlu melayani tetamu dengan penuh kasih sayang dan menyantuni mereka dengan sebaiknya kerana ia juga termasuk dalam tuntutan Islam sebagaimana

dinyatakan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

**Maksudnya:** “Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaknya dia memuliakan tetamunya dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia menyambung tali silaturahmi dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia berkata baik atau diam”.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Dalam berziarah juga, khatib suka untuk memberi pesan kepada seluruh umat Islam agar memakai pakaian yang menutup aurat dan tidak menjolok mata. Kaum wanita mesti menjaga kehormatan mereka dengan mengenakan pakaian yang menutup aurat sesuai dengan tuntutan syara’ manakala bagi kaum lelaki pula perlunya menundukkan pandangan dari melihat sesuatu yang diharamkan oleh Allah SWT. Batas pergaulan juga mesti dijaga antara lelaki dan wanita yang bukan mahram. Elakkan pertemuan antara lelaki dan wanita yang boleh menimbulkan fitnah dan pergaulan yang terlampau bebas.

Penting juga untuk khatib sentiasa memberi peringatan agar kita tidak terlalu ghairah merakam gambar atau video saudara-saudara kita dengan tujuan sebagai kandungan media sosial. Kemudahan-kemudahan teknologi yang ada mesti dimanfaatkan kepada tujuan yang baik dan dengan cara yang baik. Jangan kerana keghairahan kita membuat kandungan di media sosial untuk mencari keuntungan atau populariti, kita menggadaikan maruah dan aib saudara-saudara kita dengan merakam dan memuat naik gambar atau video mereka.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Kita juga berziarah bukan dengan tujuan hendak menunjuk-nunjuk kemewahan atau kelebihan yang kita ada. Sebaliknya, amalan berkunjung ini merupakan salah satu cara kita meraih keampunan sebagaimana dinyatakan dalam sebuah hadis:

مَا مِنْ مُسْلِمَيْنِ يَلْتَقِيَانِ فَيَتَصَافِحَانِ إِلَّا غُفِرَ لَهُمَا قَبْلَ أَنْ يَفْتَرِقَا

**Maksudnya:** “Tidaklah dua orang Muslim bertemu lalu saling berjabat tangan, melainkan diampuni bagi keduanya sebelum keduanya berpisah”. (Sunan Abi Daud)

Penganjuran rumah terbuka juga hendaklah dibuat atas dasar ikhlas kerana Allah SWT dan bermatlamatkan memperkukuhkan tali silaturahim dan bukan dibuat untuk bermegah-megah dan menunjuk-nunjuk kepada orang lain. Ia juga mesti dirancang dengan baik agar tidak berlaku pembaziran makanan.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin membuat beberapa rumusan;

**Pertama:** Amalan kunjung-mengunjung merupakan suatu amalan yang mulia dalam rangka memperkukuh persaudaraan Islam dan memanjangkan tali silaturahim.

**Kedua:** Islam menekankan tentang adab dan panduan sama ada dalam kita melakukan kunjungan, berziarah kepada saudara-saudara kita atau juga sebagai tuan rumah yang bertanggungjawab menyantuni tetamunya dengan baik.

**Ketiga:** Kaum wanita berkewajipan memelihara kehormatan mereka dengan menutupi aurat manakala kaum lelaki berkewajipan menundukkan pandangan mereka dari melihat sesuatu yang telah diharamkan oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ۝١٣

**Maksudnya:** “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)”. (Surah al-Hujurat ayat 13)

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَايَاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَّالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكَيْنْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكَيْنْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُوكُو عَزِيْزُهُ أَمِيْنُهُ مِيْمُونُهُ إِسْكَندَرِيْهُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ الْحَاجِّ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.



اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.  
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
 وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
 عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.